

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

**AAW 333 - Analisis dan Pembangunan Sistem Maklumat
Perakaunan**
ACW 331 - Sistem Maklumat Perakaunan Lanjutan

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (30 markah)

Sainsbury Sdn. Bhd. (SSB) ditubuhkan sebagai pengeluar biskut. Kilang tersebut terletak di Alor Setar. Pemiliknya, En. Wan ialah bekas Pengarah Pemasaran bagi sebuah syarikat yang memasarkan berbagai jenama biskut. Berdasarkan beberapa tahun pengalamannya, En. Wan mendapati industri ini berpotensi. Beliau menubuhkan SSB dengan modal berbayar sejumlah RM2.0 juta pada awal 1996 selepas meletak jawatan pada tahun 1995.

Untuk mengawal kos operasi ke tahap yang minimum khususnya pada permulaan penubuhan, En. Wan melibatkan diri dalam semua bahagian operasi. Pencapaian syarikat amatlah memberangsangkan pada peringkat awal tahun operasi. Syarikat itu dapat menggunakan daya pengeluaran sepenuhnya walaupun pada waktu Malaysia dilanda kemerosotan ekonomi disebabkan oleh krisis kewangan pada akhir tahun 1997. Seringkali, syarikat terpaksa mengadakan syif tambahan untuk memenuhi pesanan yang masih tidak diuruskan. Pencapaian yang meningkat adalah hasil daripada beberapa strategi pemasaran yang agresif. Ini termasuk promosi yang aktif, harga yang bersaing, pembungkusan yang menarik, dan sebagainya.

Memandangkan permintaan pasaran yang berpotensi, SSB telah membuat keputusan melipatgandakan daya pengeluarannya melalui pemasangan pengeluaran tambahan pada akhir tahun 1998. Untuk memastikan keuntungan operasi yang berterusan, En. Wan telah mengagihkan tanggungjawab pengurusan kepada kakitangannya.

En. Ting adalah Pengurus Pengeluaran. Beliau menyertai SSB setelah bersara dari pekerjaan yang lalu. En. Ting dan En. Wan adalah rakan sejawatan untuk beberapa tahun sebelum En. Wan meninggalkan pekerjaannya untuk menubuhkan SSB. En. Ting mementingkan diri dan jarang berinteraksi dengan kakitangan di jabatan lain. Bagaimanapun, beliau adalah seorang yang komited kepada tugasnya. Beliau sedia menerima sebarang cadangan yang dapat meningkatkan pengeluaran.

SSB telah melantik Cik Nellie sebagai Ketua Jabatan Perakaunan. Sebelum menyertai SSB, beliau bertugas di Bahagian Perundingan Pengurusan di sebuah firma audit selama 2 tahun. En. Wan berasa Cik Nellie adalah sesuai bagi jawatan ini kerana En. Wan memerlukan seseorang yang berpengalaman untuk melaksanakan sistem kawalan dalaman bagi mengawal aset dan mengurangkan kerugian jika ada. En. Wan telah memaklumkan perkara ini kepada kesemua ketua jabatan.

Berdasarkan ramalan pertambahan permintaan jualan berikutan peningkatan daya pengeluaran, SSB telah melantik beberapa jurujual dan mereka telah ditempatkan di kawasan bandar utama. Pesanan jualan diuruskan setelah menerima kelulusan kredit dari Ibu Pejabat di Alor Setar. Pesanan jualan tidak akan diuruskan jika tempoh kredit atau jumlah kredit itu melebihi tahap yang diluluskan. Secara purata, ia mengambil 3 hari bagi melaksanakan pesanan jualan. Mesyuarat jualan di adakan di Alor Setar secara "ad-hoc". En. Harun, Pengurus Jualan, biasanya mempengerusikan mesyuarat dan memanjangkan minit mesyuarat kepada En. Wan.

Tugas pembelian dilaksanakan oleh En. Peter. Beliau baru sahaja dinaikkan pangkat. Peter mempunyai jadual kerja yang ketat kerana beliau juga mengetuai Jabatan Setor. Seringkali, beliau terpaksa bertugas sehingga lewat malam untuk menyelesaikan tuntutan kerja termasuk memproses borang permintaan bahan mentah. Sejak kebelakangan ini, beliau sering menerima aduan daripada pihak pembekal mengenai kelewatan penerimaan bayaran dari SSB.

Cadangan peningkatan daya pengeluaran yang menelan belanja sebanyak RM 1.0 juta dibiayai dari sumber dalaman. En Wan tidak bercadang menggunakan pinjaman bank walaupun pembiayaan secara dalaman ini mungkin membebaskan modal kerja SSB dan menjejaskan kelicinan operasi.

Program peningkatan telah selesai dilaksanakan pada 1998. Jualan didapati meningkat pada peringkat awal program peningkatan ini dilaksanakan. Walau bagaimanapun, En. Wan mendapati pencapaian jualan dan keuntungan telah merosot bagi tempoh 9 bulan kebelakangan ini. En. Wan tidak pasti punca kemerosotan ini.

Satu mesyuarat di antara ketua-ketua jabatan telah diadakan untuk mengenalpasti punca punca masalah yang menjejaskan SSB khususnya yang berkaitan dengan Jabatan Pengeluaran, Pemasaran, Akaun dan Pembelian. Hasil dari beberapa perbincangan, didapati sistem maklumat berkomputer masa kini tidak dapat memenuhi keperluan pengguna khususnya dari segi menyediakan laporan semasa yang relevan bagi semua lapisan operasi dan pengurusan. Kekurangan ini telah menjejaskan pelan operasi dan tindakan. Di samping itu, gangguan ke atas pelan dan jadual pengeluaran, kelewatan penghantaran, tingkat pengeluaran yang rendah seringkali berlaku disebabkan kekurangan kerjasama di antara jabatan-jabatan.

Jabatan EDP ditubuhkan 2 tahun yang lepas. Ia telah membantu jabatan di dalam menyediakan komputer peribadi dan memberikan sokongan teknikal. Kebanyakan jabatan menggunakan perisian *spreadsheet* seperti Excel bagi kerja rutin dan penyediaan laporan. Pelan asal Jabatan EDP ialah mengintegrasikan sistem maklumat melalui applikasi Local Area Networks (LAN) tetapi pelan tersebut terpaksa ditangguhkan kerana En. Wan memberi keutamaan kepada pelaksanaan pembesaran pengeluaran.

Sebagai kakitangan baru dalam sistem pembangunan di SSB, anda ditugaskan menyediakan satu sistem maklumat berkomputer bersepadu.

Anda dikehendaki:

(i) Anda baru dilantik sebagai Juruanalisis Sistem, terangkan pendekatan anda di dalam mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh SSB semasa fasa Analisis Sistem.

[20 markah]

(ii) Menenalpasti lima (5) masalah utama yang dihadapi oleh ASB and punca masalah tersebut.

[10 markah]

Soalan 2 (20 markah)

- (a) Anda baru ditugaskan untuk merekabentuk satu sistem maklumat bagi sebuah kilang pakaian yang bersaiz sederhana. Syarikat tersebut mempunyai 20 fabrik yang diwarnakan dan dipotong mengikut corak yang tertentu. Memandangkan kemerosotan keuntungan disebabkan pengawalan kos yang tidak cekap, Syarikat bercadang mengadakan satu sistem kawalan kos piawaian. Tugas anda sebagai Sistem Jururekabentuk (*System Designer*) ialah merekabentuk berbagai laporan untuk mengawal kos pengeluaran dan pengurusan stok.

Anda dikehendaki:

Menerangkan lima (5) laporan yang harus disediakan oleh sistem baru ini bagi memenuhi matlamat syarikat. Bincangkan mengapa laporan ini perlu disediakan.

[10 markah]

- (b) Kar-4 Hypermarket menggunakan *point-of-sales cash register* untuk mengira semua barangan jualan. Satu masalah yang dihadapinya ialah bagaimana ia dapat memastikan kuantiti stok dapat diuruskan dengan cekap supaya kuantiti stok mencukupi pada setiap masa.

Berikan dua alternatif rekabentuk sistem yang sesuai untuk mencapai maklumat ini.

[10 markah]

Soalan 3 (25 markah)

- (a) Berikut adalah proses pemilihan kemasukan bagi program MBA di Universiti Putrajaya:

Pelajar diterima masuk ke program MBA tanpa sebarang syarat sekiranya pelajar berkenaan mempunyai 3.0 GPA dan mendapat markah 500 dalam peperiksaan GMAT. Sekiranya GPA adalah di antara 2.75 dan 2.99, maka GMAT mestilah sekurang-kurangnya 550. Permohonan di mana GPA kurang dari 2.75 atau GMAT kurang dari 500 akan ditolak.

Dikehendaki:

Sediakan satu *decision table* bagi proses pemilihan di atas.

[7 markah]

- (b) Berikut adalah keterangan aliran dokumen berkenaan arahan pesanan jualan dari pelanggan. Anda dikehendaki menyediakan satu *Analytic Flowchart*:

“Jabatan Jualan menerima pesanan belian dari pelanggan. Selepas penerimaan ini, Jabatan Jualan akan menyediakan 4 salinan pesanan jualan secara “manual” dan mengemukakan semua salinan kepada Jabatan Penghantaran. Salinan ke 4 pesanan jualan akan dilampirkan dengan barangan dan dikemukakan kepada pelanggan. Salinan ke 3 akan dihantar ke Jabatan Penghantaran dan akan difailkan mengikut tarikh. Salinan ke 2 akan dikembalikan kepada Jabatan Jualan untuk difailkan mengikut nombor. Selepas menerima salinan pertama pesanan jualan, Jabatan Inbois akan menyediakan 3 salinan inbois. Salinan pertama inbois akan dikemukakan kepada pelanggan dan salinan ke 3 akan dihantar kepada Jabatan Akaun Belum Terima. Salinan ke 2 akan difailkan”.

[8 markah]

- (c) Berikut adalah sistem penerimaan bayaran bagi Gold Touch Sdn Bhd:

Bayaran dari pelanggan termasuk jualan tunai dan kredit yang diterima melalui mel. Pada setiap hari, semua bayaran cek dari pelanggan ditandatangani oleh Akauntan dan slip simpanan bank disediakan bagi bayaran tunai dan cek. Semua slip simpanan bank, wang tunai dan cek diserahkan oleh kerani akaun kepada bank.

Semasa cek diterima daripada pelanggan, satu slip bayaran akan disediakan. Slip bayaran ini digunakan untuk mengemaskinikan akaun belum terima pada setiap hari. Ia akan difailkan mengikut tarikh.

Setiap minggu, kerani di bahagian akaun belum terima menyediakan dua laporan penerimaan bayaran. Laporan pertama mengenai bayaran penerimaan ditujukan kepada pihak pengurusan manakala laporan kedua mengenai senarai akaun belum terima ditujukan kepada Jabatan Kawalan Kredit untuk tindakan selanjutnya.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan rajah konteks [3 markah]

- (ii) Sediakan rajah aliran data (DFD)- tahap 0 bagi sistem penerimaan bayaran.

[7 markah]

Soalan 4 (25 markah)

- (i) Jelaskan perbezaan aliran carta dan rajah aliran data (DFD).
[5 markah]
- (ii) Salah satu masalah yang seringkali timbul di dalam proses pembangunan sesuatu sistem maklumat ialah menghadapi bantahan dari pengguna sistem. Terangkan cara bagi mengatasi masalah tersebut.
[5 markah]
- (iii) *Outsourcing* merupakan salah satu cara untuk memperolehi sesuatu sistem informasi. Jelaskan manfaat dan keburukannya.
[5 markah]
- (iii) *Prototype* digunakan dalam proses pembangunan sistem. Jelaskan dalam keadaan manakah ia sesuai untuk digunakan.
[5 markah]
- (iv) Huraikan tiga kaedah yang digunakan dalam sistem penukaran. Anda hendaklah membuat perbandingan ketiga-tiga kaedah ini dari segi kos, risiko dan kerumitan.
[5 markah]